

Desak benarkan UPM urus Hospital Serdang

SERDANG: Beberapa persatuan di Universiti Putra Malaysia (UPM) semalam mendesak Hospital Serdang dijadikan sebagai hospital pengajar dengan pengurusannya diserahkan kepada UPM.

Presiden Kesatuan Kakitangan Am UPM (Kepertama) Mohamad Zailani Abdul Razak berkata, desakan itu dibuat selepas pihaknya difahamkan Kementerian Kesihatan (KKM) menolak permohonan universiti untuk menguruskan hospital berkenaan, baru-baru ini.

Beliau berkata, walaupun pihak universiti bersetuju membenarkan pembangunan hospital itu di atas tanahnya seluas 18.2 hektar tanpa pampasan satu ketika dulu, namun antara persefahaman yang dicapai ketika itu ialah pengurusan hospital membenarkan UPM menggunakan kemudahannya bagi menampung keperluan program pengajian universiti.

Menurutnya, sempena

sambutan Hari Pekerja UPM hari ini, Kepertama, Persatuan Pegawai Tadbir, Kesatuan Pegawai Akademik dan persatuan pelajar UPM sebulat suara mendesak agar KKM mengkaji semula keputusannya menolak permohonan menyerahkan pengurusan hospital itu kepada UPM.

"Hospital yang diuruskan universiti adalah penting, terutama bagi kemudahan latihan buat pelajar dari fakulti perubatan dan sains kesihatan," katanya kepada pemberita dalam satu persidangan media bersama beberapa pemimpin persatuan-persatuan itu, selepas menghadiri sambutan hari tersebut di sini.

Zailani berkata, ketika ini pelajar UPM membuat latihan praktikal di Hospital Kuala Lumpur, Hospital Kajang dan Hospital Kuala Pilah sedangkan Hospital Serdang terletak bersebelahan dengan universiti.